

600 Pek Biskut dan Maskot Bumblebee Menyerikan Program *First Day Of School* SK Bukit Kallam



Labuan, 20 Mac 2023: Program *First Day of School* SK Bukit Kallam dikelolakan oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru.

Semua pentadbir, Yang Dipertua PIBG Puan Aida Sandra Liansun dan semua AJK Guru PIBG, Guru Kaunseling dan Guru bertugas bersedia seawal 6.00 pagi untuk menjemput dan meraikan kehadiran murid ke sekolah.

Kehadiran Pegawai Angkat SK Bukit Kallam iaitu Tuan Haji Adam bin Abdul Rahim juga bersama sama meraikan kehadiran murid ke sekolah.

600 pek biskut disediakan untuk murid, guru dan AKP yang terawal. Begitu juga, kehadiran maskot BumbleBee yang menceriakan suasana pada hari pertama persekolahan. Warga sekolah berpeluang untuk bergambar bersama maskot

tersebut. Biskut dan maskot ini disumbangkan oleh PIBG SK Bukit Kallam.

Seterusnya, semua warga sekolah berada di GSTB untuk melaksanakan perhimpunan mingguan. Perhimpunan bermula dengan nyanyian lagu, bacaan doa, ikrar dan akhir sekali Ucapan Guru Besar.

Berita Oleh : SK Bukit Kallam

Meraikan kehadiran ke sekolah dengan agihan biskut kepada murid